

‘AISYAH Kamaruddin  
MAHANI Musa  
Universiti Sains Malaysia

## **SALASILAH ATAU TAREKH KERJA-AN KEDAH (1911): NASKHAH MELAYU KEDAH YANG TERPINGGIR**

### ***SALASILAH ATAU TAREKH KERJA-AN KEDAH (1911): THE MARGINALISED KEDAH MALAY TEXT***

*Makalah ini membincangkan naskhah Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah yang dikarang oleh Wan Yahya Wan Mahamad Taib terutamanya menyorot persoalan mengapa teks yang diterbitkan pada 1911 itu dihentikan cetakannya dan sumbangan teks tersebut kepada pensejarahan Kedah. Meskipun agak tenggelam jika dibandingkan dengan dua lagi teks persejarahan Kedah iaitu Hikayat Merong Mahawangsa dan At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (1928), teks ini memaparkan suatu sudut pandangan yang berani dan telus pengarang yang berkebetulan juga merupakan seorang pembesar terhadap perkembangan yang berlaku di negeri Kedah yang sewaktu pengarangannya sedang dihimpit oleh dua kuasa besar, Siam dan British. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yakni merujuk kepada sumber pertama yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa di sebalik kritikan secara langsung terhadap golongan pemerintah, teks Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah merupakan sumber tempatan dan sezaman yang penting yang berusaha mengangkat kewibawaan golongan elit Kedah dalam memastikan kelangsungan kesultanan tersebut sehingga awal abad ke-20.*

**Kata kunci:** *Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah, persejarahan Kedah, Hikayat Merong Mahawangsa, At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*

*This essay discusses the Kedah Malay text known as Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah which was written by Wan Yahya Wan Mahamad Taib and printed in 1911, the issue of its discontinued printing and the texts's contributions to Kedah historiography. Although outshined by the Hikayat Merong Mahawangsa and the At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (1928), this text reflects the critical view of its author, who was a senior state official, on contemporary*

*developments in Kedah at a time when the state was hemmed by both Siam and the Britain. The research's qualitative method is based on the perusal of primary sources located at the National Archives of Malaysia Kedah/Perlis branch, Kedah Public Library and Universiti Sains Malaysia Library. The research outcomes show that despite its criticisms of the ruler, the Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah is an important contemporary source of Kedah history which attempts to augment the position of the elite to ensure the sustainability of the Kedah monarchy in the 20<sup>th</sup> century.*

**Keywords:** *Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Kedah historiography, Kedah Annals (Hikayat Merong Mahawangsa), At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah.*

## Pengenalan

Naskhah *Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah* (selepas ini disebut *STKK*) merupakan karya seorang pembesar Kedah iaitu Wan Yahya Wan Mahamad Taib yang dicetak buat pertama kalinya pada tahun 1911 oleh British Malaya Press Limited di Alor Setar, dalam tulisan Jawi, kemudian dirumikan di Pulau Pinang pada tahun 1913. Wan Yahya pada ketika itu merupakan Pesuruhjaya Tinggi Candu dan Monopoli<sup>1</sup> dan setiausaha kepada Sultan Abdul Hamid Halim Syah (mm. 1881-1943). Namun agak menarik pada tahun 1928, muncul sebuah teks persejarahan berjudul *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd Arshad, yang pernah menjadi Ketua Istana dan kemudian Setiausaha Sulit Sultan Abdul Hamid. Berdasarkan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* Muhamad Hassan dikatakan mendapat titah untuk menulis "sebuah buku salasilah negeri Kedah" pada 1926 bukan daripada baginda sultan, sebaliknya atas titah puteranya, Tunku Ibrahim yang pada waktu itu menjadi pemangku raja.<sup>2</sup> Dua sarjana, Siti Hawa Haji Salleh dan Mohammad Isa Othman, masing-masing melihat penitahan ini sebagai tanda "ditamatkan" atau dalam bahasa yang lebih keras Siti Hawa menyebut "menghapuskan buku yang ditulis oleh Wan Yahya itu".<sup>3</sup> Meskipun ada percubaan untuk menerbitkan semula *STKK* oleh Wan Ibrahim Wan Soloh dengan diberi tajuk *Sejarah atau Tawarikh Ringkas Negeri Kedah* pada 1986, usaha tersebut tidak berhasil.<sup>4</sup> Sehingga ke hari ini, teks Wan Ibrahim ini hanya dijadikan sebagai rujukan di arkib dan perpustakaan negeri tanpa diterbitkan.

Siti Hawa juga mengaitkan penerbitan *STKK* dengan arahan Sultan Abdul Hamid agar penulis istana mengarang sebuah salasilah yang dapat menghapuskan kisah Raja Bersiung dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.<sup>5</sup> Wan Yahya (penulis *STKK*) sebagai warga istana yang mempunyai hubungan baik dengan Sultan Abdul Hamid kerana kedua-dua mereka pernah tinggal bersama-sama kerabat diraja di Penaga, Seberang Perai tentunya terpenggil

untuk memikul tanggungjawab tersebut. Namun wujud juga kemungkinan naskhah *STKK* ditulis atas arahan Raja Muda Tunku Abdul Aziz (mm.1896-1907) kerana isi kandungannya yang cenderung mengangkat peranan Tunku Abdul Aziz.<sup>6</sup> Mohamad Isa pula sebaliknya merumuskan Wan Yahya menulis tanpa menerima perintah daripada pihak istana. Beliau melihat *STKK* adalah sebuah buku yang ditujukan oleh Wan Yahya kepada sahabat dan kenalannya sahaja dan dengan itu tidaklah dicetak dengan banyak.<sup>7</sup> Meskipun berbeza pendapat tentang siapa yang mengarahkan teks tersebut dikarang, baik Siti Hawa mahupun Mohammad Isa bersetuju bahawa *STKK* diberhentikan percetakannya kerana isi kandungan teks tersebut yang dikatakan tidak memenuhi kehendak sultan. Menariknya, persoalan ini berakhir begitu sahaja tanpa diulas lanjut oleh Siti Hawa, Mohammad Isa mahupun sarjana-sarjana lain yang pernah membicarakan tentang teks ini. Sejak itu naskhah *STKK* terus terpinggir manakala naskhah *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan rata-rata lebih diterima oleh pengkaji. Walhal, naskhah *STKK* sangat sarat dengan peristiwa sejarah yang amat penting terutama semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid dan maklumat-maklumat awal kewujudan Kedah sehinggalah campur tangan British di negeri itu. Maier melihat ada ciri-ciri penulisan moden dalam isi kandungan teks *STKK*, misalnya dari segi pertarikan (walaupun tarikh Hijrah dan Masihi yang dimuatkan tidak semestinya tepat), pemerian data dan sumbernya yang telah disesuaikan dengan pemerintahan British yang telah bertapak di Kedah ketika tahun penerbitannya.

*“According to the standards of the British scholar-administrators, the ‘Salasilah’ must have appeared fairly informative. It did contain ‘useful’ data even for Winstedt. Dates are given (although the Muslim dan Christian dates do not always correspond).”<sup>8</sup>*

### **Isi Kandungan Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah**

Naskhah *STKK* terdiri daripada dua bahagian (bahagian pertama dan bahagian kedua) dan berukuran 29.5 sentimeter x 21 sentimeter. Dalam versi Jawi, pengarang menggunakan lapan hingga 14 patah perkataan manakala dalam versi Rumi pula pengarang menggunakan lapan hingga 19 perkataan setiap baris yang masing-masing mempunyai 25 halaman bercetak yang tidak dicetak halamannya. Pengarang masih mengekalkan tradisi penggunaan tulisan Jawi (1911) pada cetakan pertama. Ayat-ayat yang digunakan juga adalah pendek, jelas dan padat, di samping beberapa sub-tajuk yang berupa lampiran dimuatkan secara berasingan oleh Wan Yahya. Pengarang *STKK* menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami yang tidak mengganggu maksud cerita sebenar yang hendak disampaikan. Wan Yahya juga telah mempraktikkan penggunaan perenggan dan penggunaan tanda baca seperti titik. Melalui

pecahan perenggan-perenggan tertentu ini juga memudahkan pembaca menentukan atau mengenal pasti bab yang seterusnya. Cara pengasingan ini secara tidak langsung telah memperlihatkan ciri-ciri penulisan moden, berbeza daripada teks tradisional yang tidak mempunyai perenggan. Paling menarik, *STKK* juga mengandungi hampir semua maklumat yang memaparkan aspek sejarah, geografi, ekonomi, pemerintahan, pentadbiran sekaligus perihal sosial masyarakat setempat ketika itu.

### **i) Bahagian Pertama**

Bahagian pertama sangat ringkas yakni berupa beberapa baris ayat yang menceritakan tentang populasi penduduk Kedah. Walaupun tidak dinyatakan tahun, penduduk dianggarkan seramai 245,000 orang. Kedah dipecahkan kepada beberapa daerah iaitu Kuala Muda, Baling, Kulim, Kerian dan daerah yang paling besar adalah Kota Setar yang terletak berhampiran dengan Kuala Bahang. Daerah Kota Setar didiami paling ramai penduduk iaitu 99,640 orang dan merupakan pusat pentadbiran kerajaan.

### **ii) Bahagian Kedua**

Bahagian ini meliputi 97 peratus isi kandungan teks yang menyentuh tentang politik, ekonomi dan sosial Kedah sebelum dan selepas kedatangan British di Kedah sehingga tahun 1911. Bahagian ini turut terdiri daripada enam sub tajuk kecil di dalamnya atau catatan ringkas dalam bentuk lampiran iaitu (i) salinan surat (ii) pegawai-pegawai (iii) pegawai kerajaan Kedah (iv) pegawai-pegawai dalam *district* (daerah), (v) fasal memakai *stamp-stamp*, (vi) fasal bendera-bendera dalam negeri Kedah, dan (vii) gelaran yang dipakai dalam negeri Kedah.<sup>9</sup>

Bahagian kedua teks ini dimulakan dengan sedikit sejarah Langkasuka (menurut *STKK* nama sebelum Kedah) yang dikaitkan dengan kedatangan Raja Merong Mahawangsa yang berasal dari negeri Rom. Dikatakan sebelum kedatangannya, iaitu sekitar 48H/620M, Langkasuka didiami oleh orang Sakai Laut yang mempunyai sifat *kanibal* malah di perairan Kedah juga terdapat lanun yang menjalankan aktiviti rompakan di laut secara berleluasa sehingga menyebabkan pedagang luar seperti daripada Arab dan India tidak berani singgah di Kedah.<sup>10</sup> Masalah ini dapat diselesaikan dengan kehadiran Raja Merong Mahawangsa yang secara kebetulannya singgah di kaki Gunung Jerai. Raja Merong berjaya mengalahkan orang Sakai Laut tersebut dan membuat pertempatan dan menamakan kerajaan tersebut sebagai Langkasuka atau dikenali sebagai Lindungan Bulan. Sejak itu kawasan itu mula disinggahi ramai pedagang yang didorong oleh kedudukannya yang strategik dan adanya Gunung Jerai sebagai penanda arah.<sup>11</sup> Ekoran itu, Kedah mula terbuka untuk menerima apa sahaja pengaruh daripada luar samada dari segi ekonomi, hubungan

diplomatik, budaya mahupun aspek sosial yang lain. Selepas kemangkatan baginda, diangkat puteranya iaitu Raja Merong Mahapudisat, sebagai raja. Digambarkan ketika ini berlakunya pertalian antara rakyat Kedah dan Siam melalui perkahwinan campur dengan rakyat tempatan Kedah. Pengarang kemudian dilihat melangkaui beberapa tempoh pemerintahan mungkin untuk mengelakkan pengulangan salasilah raja Kedah yang terkandung dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* bermula dengan Raja Seri Mahapudisat, Raja Seri Maha Indera Wangsa, Raja Ong Maha Pria Deria ('Raja Bersiung'), Raja Phra Ong Mahapudisat, Raja Phra Ong Mahawangsa, Sultan Muzalfal Shah dan Sultan Mua'zam Shah iaitu sebanyak tujuh pemerintah selepas daripada Raja Mahapudisat.<sup>12</sup> Seinggalah kepada pemerintahan Sultan Mahamad Shah (818A/1400M), Kedah dikunjungi oleh Syeikh Abdullah, seorang cendekiawan Islam yang berasal daripada Yamen yang bertanggungjawab mengubah nama Langkasuka kepada negeri Kedah Darul Aman. Segala maklumat mengenai salasilah raja-raja Kedah yang tercatat dalam *STKK* dapat diringkaskan seperti berikut:

**Jadual 1.1: Pemerintah Kedah Mengikut Naskhah *Salasilah atau Tarekh Ker-jaan Kedah (1911)***

<b>Raja Kedah</b>	<b>Tahun Pemerintahan</b>
Sultan Muhammad Shah	?-875H (?-1470M)
Sultan Mahmud Shah ibn Sultan Muhammad Shah	875-950H (1470M-1543M)
Sultan Muzaffar Shah ibn Sultan Mahmud Shah	950-1030H (1543M-1621M)
Sultan Sulaiman Shah ibn Sultan Muzaffar Shah	1030H-1037H (1621M-1627M)
Sultan Rijaluddin Muhamad Shah ibn Sultan Sulaiman Shah	1037-1082H (1627M-1671M)
Sultan Muhyiddin Mansor Shah ibn Sultan Rijaludin	1082-1100H (1671M-1688M)
Sultan Dhiauddin ibn Sultan Muhyiddin	1100-? (1688M-?)
Sultan Ato'llah Muhamad Shah ibn Sultan Dhiauddin	?-1110H (?-1698M)
Sultan Ahmad Tajuddin ibn Sultan Ata'Allah	1110-1122H (1698M-1710M)
Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin ibn Sultan Ahmad Tajuddin	1122-1190H (1710M-1776M)
Sultan Abdullah ibn Sultan Muhammad Jiwa	1190-1230H (1776M-1814M)
Sultan Dhiauddin Mukarram Shah ibn Sultan Muhammad Jiwa	1230-1232H (1814M-1816M)

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah ibn Sultan Abdullah	1232-1260H (1816M-1844M)
Sultan Zainal Rashid ibn Sultan Ahmad Tajuddin	1260-1270H (1844M-1853M)
Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibn Sultan Zainal Rasyid	1270-1296H (1853M-1878M)
Sultan Zainal Rashid ibn Ma'atham Shah	1296-1298H (1878M-1880M)
Sultan Abdul Hamid Halim Shah	1298H-sehingga tamat penulisan naskhah pada tahun 1329 H; ketika Sultan Abdul Hamid masih memerintah. (1880M-1911M)

Sumber diubahsuai daripada: Wan Yahya Wan Mahamad Taib, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Kedah, 1911.

Nota: Tanda ‘?’ bermaksud tahun tidak dinyatakan dalam naskhah ini.

Jadual 1.1 menunjukkan salasilah nama sultan Kedah yang pernah memerintah Kedah selepas Islam bertapak di Kedah yang juga menunjukkan Wan Yahya sebagai pengarang yang amat mementingkan ciri-ciri Islam. Wan Yahya menonjolkan beberapa nama sultan Kedah yang bijak memerintah, merancang strategi dan banyak melakukan pembaharuan ke atas negeri Kedah. Salah seorang sultan yang ditonjolkan dalam karangan beliau ialah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin (mm.1710-1776) yang dikatakan melakukan persediaan rapi dari segi kelengkapan perdagangan di pelabuhan Kedah yang akhirnya berjaya menarik masuk pedagang daripada India, Arab, Inggeris, Belanda dan Portugis ke Kedah. Sebelum ini pedagang-pedagang ini lebih tertumpu kepada pelabuhan Melaka.<sup>13</sup> Antara pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Jiwa adalah mengawal rapi perairan Kedah daripada lanun, menyusun atur semula sistem pembesar di bawah raja, menentukan jenis barangan dan bayaran cukai ke atas kapal yang masuk keluar serta menetapkan mata wang timah (tra) yang diperbuat daripada rial Belanda dan rial Perancis. Perkembangan pesat ekonomi dan perdagangan ini juga turut menyebabkan Siam dan British dalam diam menaruh minat terhadap Kedah.

Namun begitu kegemilangan ini tidak bertahan lama kerana semasa pemerintahan Sultan Abdullah (mm.1710-1776), kedudukan Kedah mula diancam oleh Siam. Teks *STKK* mencatatkan bahawa ekor ancaman Siam, Sultan Abdullah terpaksa membuat perjanjian bersyarat dengan British yakni British perlu berjanji akan melindungi Kedah sekiranya Pulau Pinang dipajak oleh British. *STKK* menyebut pada tahun 1786, Pulau Pinang diserahkan

kepada British dan pada 1791 British sekali lagi mengubah perjanjian dengan Kedah dengan berjanji akan membayar sebanyak \$6,000 setahun sepanjang menduduki Pulau Pinang. Berikutnya pada 1218H/1800M termeterainya satu lagi perjanjian antara British dengan Kedah yang menyaksikan Kedah menyerahkan Seberang Perai demi mendapat ‘perlindungan’ British. British juga berjanji akan mengawal lanun di sekitar Sungai Kuala Muda dan sempadan Sungai Kerian. Sultan Kedah menetapkan bayaran sebanyak \$10,000 sebagai harga pajakan Seberang Perai kepada Inggeris.

Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (mm.1804-1843) menyaksikan kejayaan Siam untuk mendapatkan Kedah. Teks *STKK* menggambarkan Kedah ketika itu diibaratkan seperti ‘mainan’ kepada Siam. Hal ini kerana pada peringkat permulaan Kedah memberikan bantuan seperti yang diminta oleh Siam. Namun Siam tetap merangka taktik kotor untuk ‘membunuh dalam diam’ barisan hadapan pertahanan yang terdiri daripada pembesar dan rakyat Kedah. Kedah diibaratkan oleh teks tersebut seperti tiada pilihan apabila terpaksa tunduk kepada arahan Siam untuk memberikan bantuan makanan dan ketenteraan dalam siri peperangan mereka. Antaranya, Kedah dipaksa terlibat dalam kebangkitan Patani pada 1809 dan diarahkan menyerang Perak pada 1818 untuk memaksa negeri itu mengakui pertuanan Siam. Kedah juga dipaksa membantu Siam mengusir pendudukan tentera Burma di Salang atau Phuket pada Oktober 1810. R. Bonney menyebut peperangan antara Siam dan Burma ini memberi tekanan yang besar kepada Kedah. Malah pada pertengahan Disember 1810, Sultan Ahmad Tajuddin pernah meminta wang pendahuluan penyewaan Pulau Pinang sebanyak \$10,000 daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris demi memenuhi tuntutan Siam menyediakan perahu-perahu yang lengkap dengan senjata dan tentera. Kesemuanya gara-gara kedudukan kewangan baginda yang merosot teruk akibat terpaksa memenuhi tuntutan Siam yang tidak putus-putus dalam misi mengalahkan musuh tradisi mereka, Burma.<sup>14</sup> Selain itu, teks *STKK* menyebut pada tahun 1239H/1811M, kerajaan Siam meminta bantuan seramai 150 orang tentera serta 100 alatan daripada kerajaan Kedah sebagai persediaan menyerang Burma.

Seterusnya pada tahun 1241H/1813M, Siam sekali lagi meminta bantuan Kedah lengkap dengan angkatan 200 buah dan angkatan darat seramai 5,000 orang untuk melanggar negeri Perak. Berikutnya pada tahun 1236H/1818M, kerajaan Siam memohon lagi pertolongan seramai 2,500 orang untuk menghalau tentera Burma. Berikutan tindakan Siam dan pertolongan Kedah yang berkali-kali ini menyebabkan ramai pembesar dan rakyat yang terkorban. *STKK* secara terbuka menyebut Kedah berada dalam keadaan yang lemah pada ketika itu dan hal ini turut dikaitkan dengan kelemahan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin seperti berikut:

“Ketika itu negeri Kedah sudah jadi sangat lemah tambahan pula Sultan Ahmad Tajudin tiada berapa ambil perati di atas pekerjaan

negeri dan sultan pergi bermain di Sungai Merbok dengan waktu yang lama...”<sup>15</sup>

“Datuk bendahara dengan tiada cukup peraturan dan kuasa dan sultan pun tiada jadi bersetujuan dengan pegawai-pegawai dan sultan terlampau suka bermain dengan permainan bunyi-bunyian yang dinamakan (gamboh).”<sup>16</sup>

Kemaraan Siam telah menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa berundur ke Pulau Tiga, Merbok (bersempadan dengan Pulau Pinang), Seberang Perai dan kemudiannya berlindung di Kelawai, Pulau Pinang. Sekali lagi pada tahun 1825, Sultan Ahmad Tajuddin menyelamatkan diri ke Melaka, tinggal berhampiran dengan pelabuhan Melaka selama 16 tahun. Malah, faktor keamanan Kedah yang mula terjejas selepas ditadbir oleh Siam telah menyebabkan rakyat yang semasa serangan Siam berjumlah 180,000 orang hanya tinggal 6,000 orang sahaja.<sup>17</sup> *STTK* menggambarkan konflik dalaman mula kelihatan semasa pemerintahan Sultan Zainol Rashid Ma’atham Shah (mm.1878M-1880M) dan sejak Sultan Abdul Hamid Halim Shah (mm.1881-1943) dilantik menjadi Raja Muda lagi. Selepas mentadbir Kedah selama dua tahun, Sultan Zainal Rashid pun mangkat yang dipercayai diracun. Isu sekali lagi timbul apabila Sultan Zainal Rashid tidak mempunyai waris sebagai pengganti dan tempatnya digantikan oleh Sultan Abdul Hamid. *STKK* menyebut:

“Maka pda Hajarat 1298 pda 28 Shawal Sultan Zainolrashid pon mangkat. Pda (sic) sahari bulan Rabialawal Hajarat 1299 di-angkat Sultan Abdulhamid Halimshah menjadi Raja.”<sup>18</sup>

Antara perkara yang besar yang ditonjolkan dalam *STKK* berkaitan pemerintahan Sultan Abdul Hamid ialah negeri Kedah berdepan dengan krisis kewangan yang dikatakan berpunca daripada sikap sultan yang gemar berbelanja dan mempunyai keluarga yang besar. Ekoran lebihan belanjawan, Kedah mula mengalami krisis kewangan. Dalam hal ini, Wan Yahya menampakkan peribadi Sultan Abdul Halim dalam pengurusan kewangan semasa ekonomi Kedah sedang merosot. Baginda dilihat masih banyak berbelanja seperti pemberian hadiah yang mahal-mahal kepada sesiapa yang disukai baginda sehinggakan gaji para pembesar tidak dibayar dan hutang-hutang peribadi baginda gagal dilangsaikan. Tentang hal ini *STKK* menyebut:

“Duli Yang Maha Mulia Sultan menjadi terlampau murah hati memberi hadiah yang banyak-banyak di atas sekalian permintaan ketika itu duit negeri pun sudah menjadi kurang. Maka gaji-gaji sekalian orang perkerjaan pun payah hendak bayar.”<sup>19</sup>



Semakin memburukkan keadaan adalah semasa baginda mengadakan majlis perkahwinan diraja besar-besaran yang berharga empat juta. Bagaimanapun, pada tahun 1895, Sultan Abdul Hamid terpaksa berehat daripada pentadbiran apabila baginda gering dan tenat sehingga faktor kegeringan selama 14 tahun itu banyak melemahkan kemampuan baginda. Kegeringan yang berlaku ini dianggap serius sehingga memerlukan tempoh masa yang panjang untuk sembuh. Baginda tidak dapat keluar dari istana selama beberapa tahun dan pentadbiran diserahkan sepenuhnya kepada Raja Muda<sup>20</sup> Tunku Abdul Aziz (mm.1896-1907) dan Wan Mahamad Saman (1881-1943) selaku Perdana Menteri. Berdasarkan naskhah *STKK* ini, Tunku Abdul Aziz terpaksa memangku kerajaan dalam tempoh yang panjang kerana walaupun Sultan Abdul Hamid telah pulih, baginda belum menunjukkan sebarang minat dalam hal-hal bersangkut dengan kerajaan negeri.

*STKK* menggambarkan banyak perubahan yang dilakukan sepanjang pemerintahan Raja Muda. Teks ini menggariskan secara sepintas lalu bahawa baginda telah menetapkan waktu bekerja, bidang tugas pekerjaan polis dan pengawai tadbir, peraturan mahkamah, lesen dan pendaftaran binatang ternakan seperti kerbau dan lembu, pekerjaan *Public Work* selain membawa kemajuan dalam bidang pendidikan, perumahan dan lain-lain. Satu jasa Tunku Abdul Aziz yang paling menonjol dalam *STKK* adalah dapat menyelesaikan krisis ekonomi yang dikatakan berpunca daripada ketidakupayaan Sultan Abdul Hamid yang boros berbelanja.

Tunku Abdul Aziz juga telah menghapuskan sistem kerah yang sebelum ini diwajibkan bagi setiap rakyat untuk memberi khidmat kepada kerajaan dan sebagai ganjaran mereka dikecualikan daripada membayar sewa tanah. Secara langsung wang perolehan itu digunakan untuk membayar hutang-hutang kerajaan. Tindakan Tunku Abdul Aziz meminta pertolongan atau meminjam daripada kerajaan Siam telah berjaya menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi Kedah. Namun perjanjian pinjaman yang dimeterai antara Kedah dan Siam pada 16 Jun 1905 dilihat oleh sesetengah pengkaji sebagai fasa penamat kerajaan bebas yang dinikmati Kedah sejak tahun 1842.<sup>21</sup> Bertitik tolak dari sinilah berlakunya campur tangan Siam dan British dalam pentadbiran Kedah yang secara tidak langsung menampakkan usaha sultan dan elit Melayu Kedah untuk terus kekal dalam pentadbiran di bawah Penasihat Siam dan British. Perkara ini membuktikan kesediaan golongan elit untuk berkhidmat bersama-sama pemimpin luar dan pada masa yang sama memerhati gerak-geri pegawai Siam dan British yang mencampuri hal ehwal Kedah.

### ***Punca Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah Diberhentikan Cetakan***

Siti Hawa Haji Salleh merupakan sarjana yang paling awal menyebut bahawa teks *STKK* dihentikan cetakannya kerana tidak memuaskan hati sultan lalu tidak dibenarkan diterbitkan lagi.<sup>22</sup> Namun begitu, penelitian Mohammad

Isa menunjukkan *STKK* masih diulang cetak setahun selepas buku *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* diterbitkan (1928). Berdasarkan analisis terhadap isi kandungan *STKK*, terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan naskhah ini dihentikan cetakannya selepas itu. Seperti yang dikupas oleh Siti Hawa, penulisan *STKK* ini dibuat atas arahan istana bagi menghapuskan kisah Raja Bersiung dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Malangnya, berbanding dengan pengarang-pengarang teks Melayu tradisional yang lain yang sentiasa menyanjung rajanya, Wan Yahya nampaknya telah memasukkan kisah-kisah yang kelihatan mengkritik golongan pemerintah, suatu hal yang sukar diterima pada waktu itu. Sebagai contoh, beliau menyebut bahawa Sultan Sulaiman telah ditawan dan dibawa ke Aceh, suatu pernyataan yang dilihat tidak melindungi martabat golongan raja. Peristiwa ini sebaliknya ditulis dengan lunak oleh Muhammad Hassan dalam *At-tarikh Salasilah Negeri Kedah* bahawa pemergian Sultan Sulaiman ke Aceh adalah atas jemputan Sultan Iskandar Muda.

Martabat golongan pemerintah terus dipersoalkan melalui beberapa lagi kritikan secara langsung pengarang *STKK* terhadap sikap dan tanggungjawab sultan sebagai ketua negara. Antaranya, kritikan terhadap Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (mm.1816-1844) dengan menggunakan frasa ‘gemar bermain sehingga mengabaikan kerajaan’ sehingga kecuaiannya baginda menjadi penyebab Siam melancarkan serangan ke atas Kedah pada 1821. Tindakan Sultan Ahmad Tajuddin yang meninggalkan kerajaan demi menyelamatkan diri ketika serangan Siam ke atas Kedah turut menampakkan kritikan Wan Yahya terhadap raja.

Wan Yahya juga turut mengkritik pemerintahan Sultan Abdul Hamid dengan penggunaan frasa ‘gemar berbelanja, beristeri ramai dan majlis perkahwinan’. Perkahwinan putera-puteri baginda yang menelan belanja yang besar sehingga Kedah terpaksa meminjam wang daripada Siam turut ditonjolkan. Pengisahan ini tentu sekali mencetuskan kemarahan Tunku Ibrahim kerana beliau merupakan salah seorang pengantin yang terlibat. Selain itu, seperti juga sumber British, *STKK* turut memuatkan faktor kegeringan Sultan Abdul Hamid sehingga pentadbiran terpaksa diambilalih oleh Raja Muda. *STKK* dalam hal ini melihat kehadiran Raja Muda Tunku Abdul Aziz sebagai “penyelamat” kepada krisis ekonomi yang dikatakan berpunca daripada tabiat Sultan Abdul Hamid. Perkara ini turut disebut dalam sumber British:

*“For the first fourteen year of his reign the Sultan proved himself an able and popular ruler, but in 1895 he fell seriously ill and there appeared to be little chance of his recovery, for over three years His Highness the Raja Muda, the Sultan’s brother, acted as regent, but when the Sultan again assumed the reigns of Government, enfeebled as he was both in mind and body by his long illness by financial troubles of Kedah began.”*<sup>23</sup>

Walhal faktor kesihatan ini tidak diyakini kesahihannya kerana berdasarkan *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid* didapati masalah kemelesetan ekonomi Kedah sudahpun meruncing sebelum baginda memegang tampuk pemerintahan lagi. Buktinya berdasarkan *SMSAH*, baginda telah bertindak menitahkan Tuan Sharif Ali untuk mengawasi perbelanjaan beberapa orang golongan elit antaranya, Tunku Dhiauddin dan Tunku Yusuf.<sup>24</sup> Malah ada kajian melihat krisis ekonomi ini berpunca daripada masalah dalaman keluarga diraja antara Tunku Dhiauddin dan Tunku Yusof yang membuat pinjaman dengan pihak Siam dengan menggunakan nama Sultan Abdul Hamid. Hal ini menunjukkan bahawa krisis kemelesetan sudah wujud sebelum Sultan Abdul Hamid menaiki takhta lagi.<sup>25</sup> Malah teks *STKK* turut menggambarkan bahawa hal ini juga disebabkan kepercayaan Sultan Abdul Hamid terhadap Tunku Abdul Aziz dan kesediaan elit Kedah untuk terus memangku perjalanan pentadbiran kerajaan. Oleh itu *STKK* menggambarkan bahawa walaupun setelah beransur sembuh, baginda dilihat ‘tidak menunjukkan minat’ untuk meneruskan pentadbiran. Hal ini secara secara tidak langsung mengangkat kedudukan Raja Muda sebagai pemimpin yang berwibawa untuk meneruskan pentadbiran Kedah. Namun tumpuan kepada pemangku Raja Muda Tunku Abdul Aziz (mm.1896-1907) yang dilihat lebih menonjol mengatasi kedudukan Sultan Abdul Hamid barangkali kurang disenangi sesetengah pihak di istana. Wan Yahya melihat Raja Tunku Abdul Aziz sebagai penyelamat Kedah daripada terus muflis dengan mencari alternatif daripada pihak Siam. Siam yang diwakili oleh penasihat kewangan W. F. Williamson dibantu oleh Tunku Abdul Aziz dilihat banyak melakukan tadbir urus ekonomi sepanjang kegeringan Sultan Abdul Hamid.<sup>26</sup>

Agak menarik, walaupun dilihat mengkritik raja dalam beberapa cerita yang dipaparkan, *STKK* tetap melihat institusi kesultanan sebagai suatu yang penting dan perlu dipertahankan. Hal ini dengan sendiri menjadi satu sebab mengapa Wan Yahya tidak tersingkir daripada lingkaran istana walaupun naskhah tulisannya telah terhenti penerbitannya. Wan Yahya, dalam hal ini, secara terbuka menegur pembesar Kedah yang dilihat mengganggu kedudukan raja. Umpamanya, beliau memuatkan nama pembesar seperti Ku Din Ku Meh (1848-1932) yang pada mulanya dilantik sebagai seorang pembesar tetapi kemudiannya menukar tarafnya sendiri kepada kerajaan Bangkok sehingga menyamai kedudukan Sultan Abdul Hamid. Setelah dihantar berkhidmat di Setul/Satun<sup>27</sup> dan mendapat pengiktirafan Siam, Ku Din (atau nama sebenarnya Ku Baharuddin bin Ku Meh) mula mengetepikan kedudukan Sultan Abdul Hamid dan dilihat bertindak melampau sepertimana ulasan Wan Yahya, “segala hal-hal berkaitan dengan utusan mengantar bunga emas perlu melaluinya terlebih dahulu, segala hal berkaitan hal ehwal negeri, Ku Din yang menjadi perantaraannya”. Bagi Wan Yahya, hal pembesar berusaha memperoleh lebih kuasa ini boleh mengugat kedudukan sultan sekiranya perkara ini berlarutan memandangkan kerajaan Siam mula mengurangkan kuasa sultan di negeri

Satun dan Perlis.<sup>28</sup> Selain itu, Wan Yahya turut memuatkan sebab dan akibat kepada pembesar yang menyalahgunakan kuasa. Misalnya, disebut seorang seorang penghulu bernama Nan Sing atau Penghulu Mahamad Hashim yang sering melakukan jenayah sehingga mengganggu keamanan daerah Kubang Pasu sekitar tahun 1907. Dalam hal ini, Wan Yahya selaku pegawai daerah Changlun telah mengarahkan penghulu tersebut dibuang negeri.<sup>29</sup> Selain pentadbir tempatan, Wan Yahya turut melontarkan kritikan terhadap pihak British. Misalnya, beliau melihat undang-undang diperkenalkan British masih mempunyai kelemahan dari sudut pelaksanaan dan hukuman ke atas pesalah.

Meskipun mengkritik golongan pemerintah secara langsung namun seperti yang diulas di atas, Wan Yahya tidaklah menghentam habis-habisan sistem pemerintahan. Apatah lagi Wan Yahya juga adalah sebahagian daripada sistem tersebut. Buktinya, beliau pernah menyandang beberapa jawatan penting dalam kerajaan Kedah seperti:

(i) Pegawai daerah Changlun yang pertama<sup>30</sup> (Sept 1906- Feb 1908). Perkara ini dijelaskan dalam sumber British:

*“The district (Changloon) has been in charge of Wan Yahya, District Officer for the whole period of the report”*<sup>31</sup>

(ii) Penguatkuasa Monopoli Candu yang banyak menjana pendapatan negeri Kedah.<sup>32</sup> Prestasi dan etika kerja yang ditunjukkan oleh Wan Yahya pada tahun 1911 turut diperakui oleh sumber British yang menyebut:

*“Wan Yahia (sic), the Superintendent of Government Monopolies has as in past years, shown zeal and ability in administrating his large and important department.”*<sup>33</sup>

Pada tahun berikutnya (1912), kepulangan Wan Yahya daripada mengerjakan haji turut disebut dalam sumber ini.<sup>34</sup> Hal ini menunjukkan Wan Yahya merupakan individu yang rapat dengan British dan merupakan individu penting dalam kerajaan.

(iii) Wan Yahya turut terlibat dalam pembinaan terusan sepanjang tiga kilometer yang menghubungkan kawasan Sanglang Kedah dengan sempadan Perlis.

*“Wan Yahia, the present Superintendent of the Chandu Monopoly, obtained a concession for another canal, north of that again at Sanglang, on the Perlis boundary. H. H the Sultan finished the greater part of his canal and has handed it over to the government.....Wan Yahia cut some three miles of canal, and the government is negotiating with him with a view to the acquisition of his rights.”*<sup>35</sup>

(iv) Dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan (1922-1929), yakni jawatan akhir beliau dalam kerajaan.<sup>36</sup> Malah menurut sumber lisan, kubur beliau yang letaknya di Tanah Perkuburan Islam Alor Merah, Alor Setar, turut tercatat sebagai jawatan ‘Menteri Kedah’.<sup>37</sup>

Sebagai individu yang banyak memegang jawatan dalam kerajaan, tentunya Wan Yahya bijak menilai sesuatu peristiwa. Hubungan baik antara Sultan Abdul Hamid dan Wan Yahya terbukti apabila beliau masih lagi dilantik memegang beberapa jawatan walaupun penerbitan *STKK* ini dihentikan cetaknya pada tahun 1928. Walaupun teks tersebut pernah menjadi kontroversi, namun teks ini mempunyai nilai teladan dan pengajaran dalam menonjolkan aspek pemerintahan dan pentadbiran tradisional Kedah yang dipimpin oleh sultan dan dibantu oleh barisan pemimpin yang berwibawa di bawahnya.

### **Kepentingan *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* kepada Persejarahan Kedah**

Agak jelas bahawa keberadaan dua teks persejarahan Kedah iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* telah menenggelamkan *STKK* sebagai sumber penting bagi sejarah Kedah. Kedudukannya sebagai sumber sejarah Kedah juga semakin terpinggir apabila kuasa asing (Siam dan British) telah memperkenalkan satu dokumentasi sendiri yang ditulis oleh penasihat Siam dan British yang ditugaskan di Kedah. Sekaligus, laporan tahunan yang mula diterbitkan pada tahun 1906 telah ‘menggantikan’ secara formal dokumen seperti *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid* yang sebelumnya banyak mengangkat peranan dan sumbangan golongan elit tradisional. Laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Penasihat Siam dan British ini tentu sekali mengetengahkan aspek-aspek berkaitan dengan pemerintahan, kesihatan, pendidikan, tanah, pekerja dan pelbagai aspek lain yang bertujuan mengangkat kuasa asing ini sebagai pemangkin kepada setiap kemajuan di Kedah.<sup>38</sup>

Meskipun kurang mendapat perhatian, *STKK* mempunyai kekuatan tersendiri yang tidak harus dipandang ringan oleh para pengkaji sejarah. Salah satu kepentingannya ialah kedudukannya sebagai sumber sezaman dan dihasilkan oleh individu yang berada dalam sistem pentadbiran itu sendiri. Sebagai sebahagian daripada kelompok elit, usaha Wan Yahya untuk menerbitkan sebuah dokumentasi sejarah iaitu *STKK* boleh dilihat sebagai satu percubaan untuk menonjolkan peranan dan jasa golongan elit ini dalam mempertahankan kedaulatan negeri semasa Kedah berada di bawah pemerintahan British. *STKK* ditulis dua tahun selepas kemasukan British secara rasmi ke negeri itu pada 1909. Hal ini menunjukkan naskhah ini merupakan sumber yang sezaman terutama semasa peringkat awal campur tangan British di Kedah. Apatah lagi individu yang menulisnya hidup dan turut terlibat dalam politik Kedah. Sebagai seorang yang sentiasa berhubungan dengan sultan

melalui jawatan-jawatan yang pernah disandanginya, tidak mustahil Wan Yahya adalah antara individu yang rapat dengan Sultan Abdul Hamid. Bukti ini jelas semasa peristiwa perkahwinan diraja lima beradik yang berlangsung pada 15 Jun 1904, Wan Yahya merupakan salah seorang yang terlibat dalam persediaan perkahwinan besar tersebut. Naskhah ini juga penting untuk membuktikan kewibawaan dan kesediaan elit Kedah dalam terus menerajui kerajaan biarpun terpaksa berdepan dengan pelbagai kemelut politik dalaman dan luaran. Sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran yakni pernah berurusan dengan sultan Kedah juga penasihat Siam dan British menyebabkan pemikiran pengarang *STKK* lebih terbuka dan telus berkarya melalui kritikan yang ditujukan kepada semua pihak termasuk raja, pembesar dan pegawai kerajaan. Kritikan secara terbuka inilah yang membezakan *STKK* daripada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan yang dilihat mengangkat kedudukan golongan pemerintah sepenuhnya. Wan Yahya dalam hal ini tidak mahu beliau dilihat bersikap berat sebelah kepada sultan Kedah mahupun British. Kebijaksanaan Wan Yahya terserlah apabila beliau mengangkat British yang memberikan darjah kebesaran kepada Sultan Abdul Hamid bergelar K.C.M.G atau *Honorary Knight Commander of the most distinguished Order of Saint Michael and Saint George* sebagai penutup kepada isi kandungan *STKK* untuk memperakui bahawa kuasa British merupakan kuasa besar yang mengiktiraf kerajaan Kedah.

### **Hubungan Kepimpinan Melayu-British, 1909-1911**

Menurut *STKK*, pengaruh British di Kedah telah mula kelihatan pada tahun 1770 semasa British berjaya menjalankan perdagangan dengan Kedah yakni sejak pemerintah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Shah lagi (mm. 1710-1778). Sebagai kuasa besar, British telah berjanji akan menjadi perlindungan Kedah daripada ancaman Burma dan Siam.<sup>39</sup> Menurut R. Bonney, tawaran pemajakan Pulau Pinang yang terjadi semasa pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah pada September 1784 pada mulanya ditolak kerana bimbang akan memberi kesan kepada pelabuhan Kuala Kedah.<sup>40</sup> Namun, pada tahun 1786, atas faktor memerlukan bantuan dan perlindungan British menyebabkan Sultan Abdullah bersetuju untuk memajak Pulau Pinang. Pada 13 Mac 1909, kerajaan Siam telah menandatangani perjanjian dengan British yang menyebabkan Siam terpaksa berundur dan Kedah diserahkan kepada British.<sup>41</sup> Namun menurut *STKK*, penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) menyaksikan institusi ini sebagai saluran penting bagi Siam dan British (1909) untuk terus mencampuri urusan politik, ekonomi dan sosial Kedah. MMN atau dikenali juga sebagai "*State Council*" telah terbentuk pada 1 Jamadil Akhir 1323 bersamaan dengan 8 Ogos 1905.<sup>42</sup> Atas perkenan daripada Sultan Abdul Hamid, baginda telah melantik adindanya, Tunku Abdul Aziz (Raja Muda) sebagai Presiden MMN yang pertama.<sup>43</sup>

Penubuhan MMN sekaligus mengurangkan autoriti golongan atasan kerana semua keputusan dan hal ehwal pentadbiran akan diserahkan kepada pihak Siam ataupun British. Pada peringkat permulaan, bidang kuasa MMN meliputi bidang kuasa memberi pajak, mengumpul perolehan dan simpanan, mengatur gaji dan elaun, menggubal undang-undang dan peraturan melalui perkenan daripada sultan.<sup>44</sup> Walaupun *STKK* tidak mengulas lanjut mengenai soal ini tetapi Wan Yahya selaku pengarang dan juga seorang pegawai kerajaan telah menyenaraikan deretan nama individu yang terlibat dalam penubuhan MMN yang pertama kalinya digubal pada tahun 1907. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Jadual 1.2: Jawatan Kuasa Majlis Mesyuarat Negeri Kedah 1907**

<b>Jawatan:</b>	<b>Nama:</b>
Presiden <i>State Council</i>	Raja Muda Tunku Abdul Aziz
Penasihat	Tuan G.C.Hart
Setiausaha Kerajaan Negeri	Che Mahamad Ariffin
Bendahari	Tuan Syed Abdulah Al-Mahadali
Hakim <sup>45</sup> Besar	Tuan Hj. Ahmad
<i>Secretary State Council</i>	Tunku Ibrahim
<i>Inspektor</i>	Tunku Mahmud
<i>General police</i>	Tuan Syed Mansoor
<i>Ketua bahagian tanah</i>	Che Ismail
<i>Ketua bahagian buruh</i>	Wan Abdullah
<i>Syahbandar (HM)</i>	Wan Ghazali
<i>Ketua majestrit</i>	Tuan Syed Abdullah
<i>State treasurer</i>	Wan Abdullah Haji
<i>D.O Kuala Muda</i>	Tengku Muhammad Saat
<i>D.O Kulim</i>	Wan Yahya
<i>D.O Changlun/Kubang Pasu</i>	Che Mahamed Ariffin
<i>D.O Kerian</i>	Wan Ismail

Diubahsuai daripada: Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 18.

Jadual 1.2 menunjukkan MMN diterajui oleh penasihat British yang dilantik oleh Siam iaitu G.C.Hart dan diikuti dengan jawatan-jawatan lain yang masih disandang oleh pembesar tempatan. Selepas Perjanjian Bangkok 1909, British telah menghantar seorang penasihatnya iaitu W.G. Maxwell bagi menyambung khidmat sepertimana yang dilakukan oleh penasihat Siam G.C Hart. Pada peringkat ini, pembentukan MMN (1911) adalah lanjutan MMN sepertimana semasa pentadbiran Siam. Malahan, negeri Perlis yang pernah menjadi sebahagian daripada Kedah juga turut dihantar penasihat British yang juga pemangku atau pembantu kepada Maxwell iaitu Meadows Frost sebagai wakil British di sana. Naskhah *STKK* turut mencatatkan British juga mula



mencampuri urusan kehakiman Kedah dengan mewujudkan dua mahkamah iaitu Mahkamah Satu yang membicarakan hal-hal berkaitan dengan kerajaan Kedah dan Mahkamah Khas *British Council* yang membicarakan hal berkaitan dengan British sebagai pemerintah ketika itu. British juga memperkenalkan undang-undang bercorak moden yang secara *total* menghapuskan undang-undang tradisional Kedah yang diamalkan sebelumnya. Walaupun secara teorinya dengan menumpukan perhatian kepada satu undang-undang British sahaja lebih memudahkan perjalanan urusan pengadilan dan kehakiman di Kedah, tetapi *STKK* turut menyebutkan kelemahan undang-undang British yang turut berdepan dengan isu-isu yang sukar diselesaikan.<sup>46</sup>

Semasa Maxwell menjadi Penasihat MMN beberapa pembaharuan dilakukan seperti kerja kerah dan undang-undang orang berhutang telah dihapuskan. British juga menghapuskan sistem pajakan candu yang sebelumnya diberikan kepada orang perseorangan kerana didapati memberikan pulangan yang sangat lumayan. Misalnya, *STKK* menyebut pada 26 November 1909, Gan Ngoh Bee memperoleh keuntungan sebanyak \$462,000 selama tiga tahun memegang pajakan tersebut. Bermula tahun 1911, setelah kerajaan Kedah mengambil alih pajakan ini, keuntungan yang diperoleh lebih daripada \$650,000 dalam setahun setelah ditolak dengan perbelanjaan tertentu.<sup>47</sup> Hal ini menunjukkan perniagaan pajak memberi banyak memberi keuntungan kepada kerajaan Kedah. Pada tahun yang sama, British turut merombak semula pentadbiran MMN dengan memperkenalkan jawatan-jawatan baharu yang termuat dalam *STKK* seperti berikut:

**Jadual 1.3: Jawatan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Kedah (1911)**

Presiden Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) <b>Penasihat</b> <b>Pemangku penasihat</b> <b>Pembantu penasihat/ganti Appeal Court</b> Inspektor Polis Am/Ahli MMN <i>Aidecamp</i> kepada sultan Kedah <i>State treasurer</i> Hakim besar/ Ahli MMN <i>Auditor General/Hakim Appeal Court</i> <i>Director of Land/ Hakim Appeal Court</i> <b>State Engineer</b> <b>Supt. Of Surveyor</b> <b>State, Veterinary Surgeon/Secretary Sanitary Board</b> <b>State Surgeon/Supt. Goal</b> Chief Kathi Shari'ah <i>Secretary Government</i> <b>Supt. Education</b> <i>Supt. Candu and Monopoly</i> /hasil minuman/ <i>Acting Harbour Master/Hakim Appeal Court</i> <i>Sup. Post &amp; Telegraph &amp; Telephone</i> <b>Auditor General</b>	Tunku Ibrahim <b>W.G.Maxwell</b> <b>Meadows Frost</b> <b>Tuan Cavendish</b> Tunku Ibrahim Tunku Bahador Shah Tunku Zainol Rashid Tuan Syed Hassan Tuan Syed Mahamad Shahabudin Tuan Syed Mansoor <b>Tuan G. Gorman</b> <b>Tuan Darke</b> <b>Tuan Florey</b> <b>Tuan Dr. Wood</b> Wan Sleman Che Mohamad Ariffin <b>Tuan Macdonough</b> Wan Yahya  Assinivadam <b>Tuan Ward</b>
---	--



<b>A.C.Police</b> Ketua <i>Officer</i> Tanah Alor Setar <i>Secretary</i> Presiden MMN <i>Chief Magistrate</i> Alor Setar Hakim No. 2 Alor Setar Guru No. 1 Sekolah Inggeris	<b>Tuan Joyce</b> Tunku Mahamad Che Mohamad Sharip Che Shuib Syed Abdullah Shahabudin Che Ismail Merican
--	---

Diubahsuai daripada: Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 21-22.

Jadual 1.3 di atas menunjukkan bagaimana British mula menguasai tiga jawatan utama di bawah presiden dengan menyerap masuk pegawai British dalam 10 jawatan besar termasuk bidang kehakiman, kejuruteraan, jabatan ukur, *Sanitary Board*, kepolisan, pendidikan dan lain-lain. Didapati campur tangan British di Kedah pada peringkat ini lebih terperinci yang bermula dengan menguasai kerajaan, kemudian meluaskan pengaruhnya sehingga ke peringkat daerah. Bukti ini jelas berdasarkan jadual di bawah:

#### Jadual 1.4: Senarai Pegawai-pegawai dalam Kerajaan Kedah Tahun 1911

<i>Asst. Director of Land District</i> Kulim <b>Ketua Polis</b> <i>Acting Supt. Mining</i> District Officer Kulim <b>Pegawai perubatan (pembantu pakar bedah)</b> <i>District Officer</i> Kuala Muda <b>Asst. Chief Police Kuala Muda</b> Ketua <i>Office</i> Tanah Kuala Muda <i>Asst. District Officer</i> Kuala Muda <i>District Officer</i> Tanah Bandar Baharu Ketua Inspektor Polis Bandar Baharu Ketua <i>Officer</i> Tanah Bandar Baharu <i>District Officer</i> Baling Ketua <i>Officer</i> Baling <i>District Officer</i> Jitra, Kubang Pasu Kathi Syari'ah Jitra, Kubang Pasu <i>Asst. District Officer</i> Jitra, Kubang Pasu Ketua <i>Officer</i> tanah Jitra <i>District Officer</i> Yan <i>District Officer</i> Langkawi <i>District Officer</i> Padang Terap	Tengku Mahamad Abedah <b>Tuan Gilroy</b> Che Kassim Merican Tengku Ismail <b>Dr. Sugars</b> Wan Chee <b>Tuan Speers</b> Mahamad Daud Mahamad Munshi Tengku Sleman Mahamad Noh Che Muhamad Yunus Wan Hassan Wan Ismail Haji Mohamad Amin Tunku Mahamad Ariffin Che Din Wan Hamid Wan Mahamad Said Wan Ibrahim
---	---

Diubahsuai daripada: Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 23.

Jadual 1.4 menunjukkan pegawai British turut dilantik memegang jawatan dalam pentadbiran negeri dan daerah seperti ketua polis yang disandang oleh Tuan Gilroy, pembantu pakar bedah oleh Dr. Sugars dan juga Asst. Chief Police Kuala Muda disandang oleh Tuan Speers. Hal ini menunjukkan perancangan dan usaha licik British untuk mencampuri urusan politik di Kedah merangkumi sehingga ke peringkat daerah dengan memasukkan wakil-wakil British untuk menjawat jawatan di peringkat negeri dan daerah. Selain itu turut terdapat penambahan jawatan pegawai daerah di negeri itu. Sebelum tahun 1905, hanya terdapat enam daerah yang wujud di Kedah iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Kerian, Langkawi<sup>48</sup> dan Changlun.<sup>49</sup> Namun, selepas tahun 1911, jumlah ini dikatakan meningkat dengan adanya daerah Baling, Kubang Pasu dan Yan.<sup>50</sup>

Meskipun begitu, jadual 1.3 dan 1.4 jelas menunjukkan pemimpin Melayu masih mendominasi pentadbiran Kedah yang menunjukkan kedudukan golongan elit ini walaupun sedikit terjejas tetapi mereka masih kekal untuk menerajui pemerintahan negeri. Hal ini demikian kerana selepas campur tangan British pada tahun 1909, golongan elit Kedah mula menyedari bahawa mereka terpaksa menghadapi pentadbiran British dengan berhati-hati agar pemerintahan negeri tidak jatuh sepenuhnya ke tangan pihak asing. Teks juga memaparkan kebijaksanaan Sultan Abdul Hamid mengatur strategi untuk berbaik-baik dengan British setelah mengambil alih semula pentadbiran. Baginda dilihat memberikan layanan dan menjalinkan hubungan baik dengan penasihat British, misalnya, dengan mengadakan jamuan di Balai Besar sebelum G. C. Hart dan isterinya berangkat pulang ke India setelah tamat perkhidmatan. Berikut merupakan ucapan alu-aluan baginda kepada Hart:

“Saya ganti sekalian orang-orang Pekerjaan Kedah, saya banyak suka hati untuk tunjukkan kasih saya kepada Tuan Hart di dalam masa empat tahun...”<sup>51</sup>

Hubungan baik dengan British terus ditonjolkan dalam peristiwa baginda yang berangkat ke Eropah pada 13 Jun 1911 atas jemputan daripada King George V untuk urusan pertabalan yang diiringi oleh Tunku Mahamud (Presiden MMN ketika itu), Tengku Bahador Shah dan Tuan Syed Mahamad Shahabudin. Baginda pertama kali dianugerahkan bintang kebesaran daripada King George V yang dinamakan K.C.M.G (*Inggeris Honorary Knight Commander of the most distinguished Order of Saint Michael and Saint George*)<sup>52</sup> oleh kerajaan London. Sekurang-kurangnya sehingga 1911 Kedah ternyata masih berjaya mengawal perjalanan pentadbiran dalam negerinya meskipun telah berada di bawah pengaruh British.

## Kesimpulan

Walaupun terdapat teks pensejarahan Kedah yang lain yang lebih diterima berbanding teks *STKK*, namun hal ini tidak dapat memadamkan hakikat bahawa *STKK* merupakan sumber sezaman yang penting dalam memerihalkan situasi sebelum dan selepas British datang ke Kedah. Sungguhpun dilihat mengkritik pemerintah dan dengan itu dihentikan percetakannya, namun *STKK* tetap mengakui kedudukan Sultan Abdul Hamid sebagai pemerintah terbilang. Malahan teks ini membuktikan kredibiliti baginda untuk memilih individu yang benar-benar layak sahaja untuk sama-sama mentadbir Kedah. Dalam masa yang sama, teks ini turut mempamerkan kesediaan golongan elit untuk terus berkhidmat kepada baginda selaku raja yang berdaulat. Pengarangan *STKK* membuktikan satu peranan besar yang dimainkan oleh golongan elit Kedah untuk terus mentadbir negeri itu walaupun terpaksa berdepan dengan kuasa asing.

Malahan, pengarangan *STKK* turut memaparkan kebijaksanaan Wan Yahya dalam menilai secara kritis peristiwa politik yang terjadi pada zamannya dan dalam masa yang sama tetap menonjolkan peribadi pengarang sendiri yang telus berkarya melalui kritikan yang terpancar dalam karya tersebut. Jelaslah bahawa teks *STKK* mempunyai keistimewaannya sebagai sumber bertulis setempat, sezaman dan menonjolkan golongan elit. Walaupun ada yang menolak kepentingan *STKK* kerana dilihat banyak menjatuhkan martabat pemerintah Kedah, namun jika ditelitikan Wan Yahya masih memperlihatkan kewibawaan sultan dan golongan elit dalam mendukung peranan masing-masing dalam sisi pandang yang agak berbeza daripada naskhah pensejarahan Kedah yang lain.

## Nota Akhir

1. CO 716/1, Kedah Annual Report, 1911, hlm. 4.
2. Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. xx.
3. Siti Hawa Haji Salleh, *Sebutir Pasir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm.164.
4. Mohammad Isa Othman, "Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah dalam Konteks Pensejarahan Awal Abad Ke-20". Dlm. Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi, *Warisan Mahawangsa Kedah*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia, 2006, hlm. 93.
5. Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny.), *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu: Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2006, hlm. xviii.
6. Tunku Ibrahim merupakan putera sulung Sultan Abdul Hamid

- Halim Shah. Mohammad Isa Othman, 2006. "Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah Dalam Konteks Pensejarahan Awal Abad Ke-20". Dlm. Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny.), *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu: Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 10. Lihat juga, Wan Yahya Wan Mahamad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Pulau Pinang: The British Malaya Press Ltd., 1911, hlm. 20.
7. Mohammad Isa Othman, "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah – Sebuah Pensejarahan". Dlm. Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (peny.), *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, Pulau Pinang, Penerbit USM, 1995, hlm. 31.
  8. Hendrik M.J. Maier, *In The Centre of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*, New York: Studies On Southeast Asia, 1988, hlm. 134.
  9. Bahagian ini dapat dikaitkan dengan latar belakang Wan Yahya sebagai salah seorang yang terlibat dalam pentadbiran Kedah adalah menjadi satu kelebihan untuknya mendapatkan maklumat-maklumat tersebut.
  10. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 2.
  11. *Ibid.*, hlm. 2.
  12. Siti Hawa Haji Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1991.
  13. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 4-6.
  14. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hlm.122.
  15. *Ibid.*, hlm. 7-8.
  16. *Ibid.*, hlm. 7-10.
  17. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 9.
  18. *Ibid.*, hlm.14.
  19. *Ibid.*, hlm. 15.
  20. Jawatan Raja Muda merupakan jawatan kedua tertinggi dan biasanya tidak hanya terdiri daripada putera sulung sultan. Kadang kala boleh terdiri daripada saudara atau menantu sultan. Penjawat jawatan Raja Muda tidak boleh dianggap sebagai pewaris takhta atau bakal pengganti sultan.
  21. Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, Kuala Lumpur, MBRAS, Monograph No. 12, 1984, hlm. 59.
  22. Siti Hawa Haji Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. LXII.
  23. CO 716/1, 1905-1906, Kedah Annual Report, hlm. 8.
  24. Surat kepada Tuan Sharif Ali bertarikh 26 Safar 1305. Lihat, *SMSAH*, 1304H-1312H/1886 M-1864M. No. 2.

25. Mahani Musa, "The Memory of the World Register: The Sultan Abdul Hamid Correspondence and Kedah History", *Kajian Malaysia*, 33, Supp, 2, 2015, hlm. 65-68.
26. Mahani Musa, "The Memory of the World Register: The Sultan Abdul Hamid Correspondence and Kedah History", *Kajian Malaysia*, Vol. 33, Supp.2, 2015, 53-74.
27. Dahulunya Setul merupakan salah satu unit daerah yang terpisah dari Kedah.
28. *Ibid.*
29. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, hlm. 19.
30. Mohamad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1990, hlm. 56.
31. CO 716/1, 1906-1908. Kedah Annual Report, hlm. 3.
32. Wan Yahya banyak menjana pendapatan negeri Kedah sehinggakan Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat menyifatkan negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu boleh menjadi kaya sekiranya menghentikan penggunaan atau penghisapan candu sekitar tahun 1911.
33. CO 716/1, Kedah Annual Report, 1912, hlm. 16.
34. *Ibid.*, hlm. 4.
35. CO 716/1, 1909-1910. Kedah Annual Report, hlm. 66.
36. Wan Shamsudin Mohd Yusof, "Senario Institusi Kesultanan Kedah". Dalam Mohamad Shukeri Khalid et.al eds.), *Kedah 100 Tahun: 1900-2000*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2002, hlm. 2.
37. Temubual dengan Dato' Wan Shamsudin Mohd Yusof, 25 Mei 2014. Beliau mengatakan makam Wan Yahya tertera perkataan 'Menteri Kedah'. Malangnya cubaan untuk menjejaki makam tersebut gagal disebabkan oleh faktor kawasan perkuburan yang tidak dijaga, faktor tempoh masa yang sudah terlalu lama sehinggakan tidak ada individu yang tahu akan kewujudan makam tersebut.
38. Mahani Musa, "The Memory of the World Register, hlm. 54-74.
39. *Ibid.*, hlm.7.
40. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, 1971, hlm. 53- 33.
41. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 19.
42. *Ibid.* hlm. 21.
43. Pada peringkat awal penubuhan Majlis Negeri, STKK mencatatkan bahawa: 'Maka *member-member State Council* pada masa itu Yang Maha Mulia Raja Muda Presiden, Tuan G. C. Hart, *Adviser*, Che Mohammad Ariffin, *Secretary*, Duli Yang Maha Mulis Tuan Syed Abdullah Almahdi *Treasurer* dan Tuan Haji Ahmad, Hakim Besar, Yang Maha Mulia Tunku Ibrahim, *Secretary State Council*. Lihat, *Ibid.* Jawatan Raja Muda merupakan jawatan kedua tertinggi dan biasanya tidak hanya terdiri daripada putera sulung sultan. Kadang

- kala boleh terdiri daripada saudara atau menantu sultan. Penjawat jawatan Raja Muda tidak boleh dianggap sebagai pewaris takhta atau bakal pengganti sultan. *Undang-undang Kedah* versi SOAS selenggaraan Mariyam Salim (2005) yang mengengahkan jawatan Raja Muda yang mempunyai kedudukan yang sama tara dengan kedudukan bendahara ketika mengadap raja. Lihat, Mariyam Salim (peny.), *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 47-48.
44. Mustapa bin Tam, (t.t). *Tawarikh Salasilah Negeri Kedah* (Bahagian yang Pertama), Arkib Negara Malaysia, hlm. 17.
  45. Dalam *STKK* dicatatkan hanya satu sahaja mahkamah yang wujud semasa pentadbiran Siam. Sebaliknya, semasa pentadbiran British, telah diperkenalkan dua mahkamah iaitu Mahkamah Kerajaan Kedah dan Mahkamah British *Council*. Selain itu, turut dipakai undang-undang British dan adakalanya tidak boleh menjalankan sebarang hukuman ke atas sesuatu kesalahan disebabkan oleh bertentangan dengan undang-undang British. Lihat, Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 25.
  46. *Ibid*, hlm. 20.
  47. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 22.
  48. Langkawi terletak di selatan Perlis dan Setul. Selain itu, di dalamnya turut wujud pulau-pulau kecil yang lain seperti Pulau Dayang Bunting, Pulau Lada, Pulau Beras Basah, Pulau Tanjung Dinding, Pulau Timus dan lain-lain. Langkawi dikatakan didiami penduduk sekitar 8000 orang yang rata-ratanya terlibat dalam aktiviti pertanian di Padang Maksirat, Ayer Hangat dan Kuah. Lihat, M.40/86, Brief Title of Record Series Kedah Treaty and Files Starts with: Treaty Between Siam and His Majesty Gout, Geoglogy of the Langkawi Islands, Ends with Sketch Map of the Langkawi Island, 28 April 1986.
  49. Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 55.
  50. Wan Yahya, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, hlm. 23-24.
  51. *Ibid.*, hlm. 19.
  52. *Ibid.*, hlm. 21.

## Rujukan

- Bonney, R. 1971. *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- CO 716/1, Kedah Annual Report, 1905-1906.
- CO 716/1, Kedah Annual Report, 1908.
- CO 716/1. Kedah Annual Report, 1909-1910.
- CO 716/1, Kedah Annual Report, 1911.

- CO 716/1. Kedah Annual Report, 1912.
- M.40/8. 1986. Brief Title of Record Series Kedah Treaty and Files Starts with: Treaty Between Siam and His Majesty Gout, Geology of the Langkawi Islands, Ends with Sketch Map of the Langkawi Island, 28 April.
- Maier, Hendrik. M. J. 1988. *In The Center Of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. New York: Studies On Southeast Asia.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi: Penerbit Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahani Musa. 2015. "The Memory of the World Register: The Sultan Abdul Hamid Correspondence and Kedah History". *Kajian Malaysia*. 33. Supp., 2, 53-74.
- Mariyam Salim (penyelenggara) 2005. *Undang-Undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan BahasaBahasa dan Pustaka.
- Mohammad Isa Othman. 2006. "Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah dalam Konteks Pensejarahan Awal Abad Ke-20". Dalam Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi, *Warisan Mahawangsa Kedah*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia. 93-101.
- Mohammad Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad Isa Othman. 2006. "Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah dalam Konteks Pensejarahan Awal Abad Ke-20". Dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu: Kesultanan Melayu Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (11-39).
- Mohammad Isa Othman, 1995. "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah – Sebuah Pensejarahan". Dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (eds.), *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, Pulau Pinang: Penerbit USM, 31-43.
- Mohammad Isa Othman. 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapa bin Tam, (t.t). *Tawarikh Salasilah Negeri Kedah* (Bahagian yang Pertama). Arkib Negara Malaysia.
- Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny.). 2006. *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu: Kesultanan Melayu Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sharom Ahmat. 1984. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*. Kuala Lumpur: MBRAS, Monograph No. 12.

- Siti Hawa Haji Salleh. 2009. *Hikayat Merong Mahawangsa dan At-Tarikh Salasilah Kerajaan Kedah: Paparan Ketuanan dan Kekuasaan Melayu Zaman Silam*". Seminar Kebangsaan Kekuasaan Dalam Sastera Melayu Nusantara. Pulau Pinang, 25-26 Julai.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1992. *Sebutir Pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid. 1304H-1312H/1886M-1864M. No. 2. Temubual dengan Wan Shamsudin Mohd Yusof, 25 Mei 2014.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2002. "Senario Institusi Kesultanan Kedah". Dalam Mohamad Shukeri Khalid et.al (peny.). *Kedah 100 Tahun: 1900-2000*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia. (1-16)
- Wan Yahya Wan Mahamad Taib. 1911. *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*. Pulau Pinang: The British Malaya Press Ltd.

### **Nota Biografi**

'Aisyah Kamaruddin (aisyahk41@gmail.com) merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam bidang sejarah Pusat di Universiti Sains Malaysia.

Mahani Musa (mahani@usm.my) merupakan pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah sosioekonomi dan sosiopolitik Malaysia.